

SIRT: PEMBELAJARAN SECARA INTERAKTIF SEMASA PDPR

Wan Anisha Wan Mohammad dan Azlina Mohd Mydin

wanan122@uitm.edu.my, azlin143@uitm.edu.my

Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Malaysia

ABSTRAK

Pelbagai kaedah telah dijalankan untuk membendung Covid-19 dari terus merebak. Selain Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk semua penduduk, dari segi pembelajaran di peringkat sekolah, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) telah dijalankan untuk memastikan para pelajar mendapat pendidikan yang berterusan semasa PKP. Selain daripada pembelajaran secara atas talian, para pelajar perlu menyediakan diri mereka supaya lebih memahami apa yang di ajar oleh guru. Oleh itu, SIRT atau "Smart Interactive Revision Tool" telah dibangunkan untuk membantu para pelajar membuat ulangkaji dengan cara yang lebih menarik selepas setiap sesi pembelajaran. Penggunaan platform TikTok untuk membangunkan SIRT menarik minat para pelajar kerana mereka lebih gemar menggunakan telefon bimbit semasa PDPR.

Kata Kunci: PDPR, SIRT, interaktif

Pengenalan

Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia bermula pada tahun 2020 telah memberi impak yang tinggi kepada semua penduduk dunia secara amnya. Semua sektor telah terjejas akibat daripada pandemik ini. Sektor pembelajaran tidak terkecuali dari mengalami pelbagai gangguan terutamanya dari segi pembelajaran para pelajar bukan sahaja pada peringkat sekolah rendah, malah juga pada peringkat sekolah menengah dan juga pelajar di institusi pengajian tinggi.

Pengumuman kerajaan dalam menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menutup sebahagian daripada sektor pengoperasian sekaligus turut memberi kesan kepada pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan (Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd. Majid, 2021). Penutupan sekolah telah dibuat untuk membendung pandemik ini daripada terus merebak. Bagi memastikan sesi pembelajaran masih diteruskan walaupun para pelajar berada di rumah masing-masing, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) telah dijalankan.

Melalui PDPR, para pelajar akan menjalankan pembelajaran secara atas talian dengan tunjuk ajar guru di rumah masing-masing. Para guru akan menggunakan pelbagai platform atas talian seperti WhatsApp, Telegram, Google Meet, MS Teams dan juga Google Classroom untuk memastikan para pelajar mendapat maklumat dan memahami setiap mata pelajaran dengan berkesan. Untuk memastikan pembelajaran atas talian ini boleh dijalankan dengan sempurna, para pelajar perlu mempunyai media elektronik seperti telefon bimbit, komputer riba atau komputer peribadi.

Kajian Literatur

Nur Fauziana Mohd Salleh (2020) dalam kajiannya telah mendapatkan pandangan guru terhadap pengajaran dalam talian dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran di rumah akibat kesan penutupan institusi pendidikan. Bagi menyampaikan ilmu kepada pelajar, Mohd Amin Jalil (2020) juga ada menyatakan bahawa Mohd Azizee Hasan yang merupakan Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru) berpendapat bahawa semua warga pendidik khususnya guru perlu melengkapkan diri mereka dalam penguasaan teknologi digital dan ilmu berkaitan e-learning.

Selain pembelajaran atas talian, guru juga perlu bersedia dengan nota cetakan sekiranya terdapat dalam kalangan pelajar yang mempunyai kekangan untuk mengikuti pembelajaran dalam talian (Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2020). Para guru perlu memberi perhatian kepada para pelajar yang mempunyai kekangan tersebut supaya mereka tidak tercicir dalam proses pembelajaran (Tamilmullai, Salini, 2021).

Walaupun bagaimanapun, walaupun ada sebilangan pelajar yang mempunyai masalah dengan media elektronik untuk menjalankan pembelajaran atas talian, masih ramai para pelajar yang mempunyai kemudahan tersebut. Penggunaan media elektronik seperti telefon bimbit adalah amat meluas di kalangan para pelajar masa kini. Ada di antara mereka mahir menggunakan pelbagai aplikasi atas talian. Dalam memastikan anak-anak mengikuti PdPR dan menggunakan telefon bimbit yang diberikan dengan sewajarnya, ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam memantau anak-anak mereka supaya tidak tercicir dan memastikan anak-anak mereka lebih berdisiplin (Tamilmullai, Salini, 2021).

Metodologi

Peserta

SIRT dibangunkan untuk para pelajar sekolah untuk memastikan mereka menggunakan telefon bimbit dengan sewajarnya. Selain daripada itu, SIRT dapat membantu para pelajar membuat ulangkaji setelah selesai setiap sesi pembelajaran secara atas talian dengan lebih berkesan. Disamping itu juga, para pelajar dapat memanfaatkan aplikasi yang terdapat di dalam telefon bimbit mereka dengan lebih berfaedah. Kajian ini telah dijalankan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah untuk mengetahui faedah penggunaan SIRT kepada mereka.

Bahan yang dibangunkan

SIRT adalah satu video yang dibangunkan menggunakan aplikasi TikTok di mana para pelajar akan membuat nota ringkas berkaitan dengan subjek yang dipelajari secara atas talian. Berbanding dengan nota manual, SIRT dapat membantu para pelajar menggunakan aplikasi TikTok dengan cara yang lebih berfaedah. Selepas setiap sesi pembelajaran, para pelajar akan membuat nota ringkas berkaitan dengan apa yang dipelajari menggunakan aplikasi TikTok dan seterusnya nota tersebut boleh dikongsi bersama dengan rakan-rakan yang lain. Ini dapat

membantu para pelajar mengulangkaji pelajaran yang di ajar dengan lebih menarik dan berkesan. Soal-selidik telah dijalankan secara atas talian bagi mendapatkan respon para pelajar berkenaan dengan pengaplikasian SIRT dalam pembelajaran.


Analisa dan Keputusan

Soal selidik ini berjaya dilengkapkan oleh seramai 100 orang pelajar sekolah. Jadual dibawah menunjukkan data demografik untuk pelajar yang terlibat dalam soal selidik tersebut.

Jadual 1: Data Demografik

No	Perkara	Peratus %
1.	Jantina	
	a) Lelaki	40.24%
	b) Perempuan	69.76%
2.	Sekolah	
	a) Rendah	29.11%
	b) Menengah	79.89%

Daripada jadual diatas didapati seramai 69.76% adalah pelajar perempuan manakala 40.24% adalah pelajar lelaki yang mengisi soal- selidik ini. Seramai 79.89 % merupakan pelajar sekolah menengah manakala seramai 29.11% adalah pelajar sekolah rendah. Ini menunjukkan bahawa aplikasi SIRT boleh dibuat untuk semua matapelajaran termasuk sekolah menengah ataupun sekolah rendah.



Rajah 1: Tahap kesukaan menggunakan SIRT

Rajah 1 diatas menunjukkan tahap kesukaan menggunakan SIRT. Didapati 66 orang pelajar sangat menyukai SIRT dan hanya 5 orang pelajar sahaja yang kurang menyukai SIRT. Ini mungkin kerana ada sesetengah pelajar yang tidak mempunyai kemahiran dalam menggunakan telefon bimbit dan aplikasi yang terdapat di dalam telefon bimbit.



Rajah 2: Pendapat pelajar tentang SIRT yang membuatkan pembelajaran lebih interaktif dan menarik

Rajah 2 menunjukkan pendapat pelajar tentang SIRT yang membuatkan pembelajaran lebih interaktif dan menarik. Ramai pelajar bersetuju bahawa SIRT membolehkan proses pembelajaran menjadi lebih interaktif dan menarik. Ini mungkin disebabkan pembangunan nota menggunakan TikTok membuatkan SIRT lebih interaktif dan tidak membosankan.

Kesimpulan

Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi impak yang besar bukan sahaja kepada para guru malah juga kepada para pelajar. Oleh itu, SIRT dibangunkan untuk membolehkan para pelajar menggunakan media elektronik seperti telefon bimbit dan aplikasi di dalamnya sewajarnya. Selain itu, untuk memastikan pembelajaran atas talian dijalankan dengan lebih berkesan, SIRT juga dapat membantu para pelajar mengulangkaji pelajaran dengan lebih interaktif dan menarik.

Rujukan

- Mohd Amin Jalil. (2020). i-Guru sokong tak sambung PPSMI. Dilihat 28 Februari 2021 dari <https://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/711920/i-guru-sokong-tak-sambung-ppsmi>
- Nor Sahara Mesman & Zulkarnain Abd. Majid (2021), *Kajian Kesediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (Pkp) Membendung Covid-19 Fasa 2*, International Journal of Education and Pedagogy (IJEAP) eISSN: 2682-8464 [Vol. 3No. 1 March 2021]
- Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). *Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan di Malaysia*. Diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/342886967>.
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). *Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19*. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 11, 46-57. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol.11>. Edisi khas.4.2020.
- Tamilmullai, T., Salini Baloh (2021), Cabaran PDPR Bahasa Tamil Di Sekolah Luar Bandar, MJSSH Online: Volume 5 Issue 2 (Aprl, 2021), Pages 183–190 e-ISSN: 2590-3691, <https://doi.org/10.33306/mjssh/>